



28 November 2012
28 November 2012
P.U. (A) 424

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 8) 2012

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION
OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 8) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 8) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem)(No. 8) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2012.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] hendaklah diremitkan sepenuhnya berkenaan dengan suatu Perjanjian Kemudahan yang dibuat antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ("Peminjam") dengan CIMB Islamic Bank Berhad ("Pemberi Pinjam") berhubungan dengan peruntukan Fasiliti Pinjaman Jangka Masa-i di bawah konsep *Bai' al-'Inah* ("Kemudahan") sehingga jumlah amaun dua ratus juta ringgit (RM200,000,000.00) kepada Peminjam, yang kena dibayar oleh—

- (a) Peminjam, yang baginya Akta ini terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang) 2012;
- (b) Kerajaan Malaysia di bawah suatu jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia menurut Kemudahan itu; dan
- (c) mana-mana pihak lain dalam Perjanjian Kemudahan itu termasuk mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan itu hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 28 November 2012
[KK/BPKA/M3/(S)/901/1; PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 8) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [Act 96], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 8) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 28 November 2012.

Remission of Tax

2. Any tax payable under the Income Tax 1967 [Act 53] shall be remitted in full in respect of the Facility Agreement made between Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) (the “Borrower”) and CIMB Islamic Bank Berhad (the “Lender”) in relation to the provision of Term Financing-i under the concept of *Bai’ al-‘Inah* (“the Facility”) of up to the aggregate amount of two hundred million ringgit (RM200,000,000.00) to the Borrower, which is payable by—

- (a) the Borrower, to which this Act applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang) Order 2012;
- (b) the Government of Malaysia under a guarantee provided by the Government of Malaysia pursuant to the Facility; and
- (c) any other party to the Facility Agreement including any transferee or assignee thereto.

Remission of Stamp Duty

3. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of the Facility Agreement shall be remitted in full.

Made 28 November 2012

[KK/BPKA/M/(S)/901/1; PN(PU2)232/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance